



## LEMBAGA TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40503 SHAH ALAM, SELANGOR

Ruj. Kami: TKWBNS/BS (2)

Tarikh : 26-01-2017

### Senarai Edaran

#### Universiti Selangor (Unisel)

Shah Alam Campus, Jalan Zirkon A7/A Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

### TEMUDUGA PROGRAM KHAS BIASISWA SELANGORKU BIL.1 TAHUN 2017

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saudara/i terpilih untuk menghadiri temuduga bagi Program Khas Biasiswa Selangorku. Sesi Temuduga akan dilaksanakan mengikut ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 08-02-2017 (Rabu)

Masa : 08:00 AM (Anda dikehendaki tiba 30 minit lebih awal)

Tempat : Bankuet, Dewan Jubli Perak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Selangor (SUK SELANGOR)

3. Sehubungan itu, saudara/i diminta menghadiri Sesi Temuduga mengikut ketetapan di atas dan membawa bersama dokumen-dokumen berikut :

- i. **Surat Panggilan Temuduga**
- ii. **Sijil Kelahiran Pemohon** (Sijil asal)
- iii. **Kad Pengenalan Pemohon** (KP asal)
- iv. **Surat Tawaran Kemasukan ke IPT /Pengesahan Pelajar**(surat asal)
- v. Keputusan Peperiksaan **SPM/SPMV/STAM/STPM** (asal)
- vi. Keputusan **Diploma/Matrikulasi/Asasi** (asal)  
(bagi permohonan menggunakan keputusan *Diploma/Matrikulasi/Asasi*)
- viii. Slip **Keputusan Peperiksaan Setiap Semester** (asal)

*(bagi pemohon selain kemasukan baru/tahun pertama)*

- ix. **Slip Gaji / Penyata Pendapatan Bulanan / Penyata Bayaran Pencen 3 bulan terkini** (asal)  
*(bagi ibu/bapa/penjaga yang bekerja/ pesara Kerajaan)*
- x. **Pengesahan Pendapatan / Tidak Bekerja** (asal)  
*(bagi ibu/bapa/penjaga yang bekerja sendiri/ tidak bekerja/ suri rumah)*

**Bagi pemohon yang lahir luar Selangor, dokumen tambahan berikut WAJIB dibawa:**

- i. **Kad Pengenalan Ibu dan/atau bapa pemohon** (salinan sahaja)
- ii. **Pengesahan Pemastautin** (asal)  
*(disahkan oleh ADUN /Penghulu /Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK sahaja)*
- iii. **Sijil Berhenti Sekolah Rendah dan Menengah** (asal dan salinan)

**Kegagalan untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang dinyatakan semasa sesi temuduga boleh menyebabkan permohonan saudara/i GAGAL.**

4. Saudara/i dikehendaki mematuhi kod pakaian semasa sesi temuduga seperti berikut:

Lelaki : Kemeja lengan panjang/ pendek, seluar slack dan kasut bertutup  
Perempuan : Baju kurung / blaus lengan panjang dan skirt labuh paras buku lali dan kasut bertutup.

**Urus Setia berhak untuk tidak membenarkan pelajar menjalani sesi temuduga sekiranya kod pakaian tidak dipatuhi.**

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, Urus Setia boleh dihubungi di talian **03-5521 2275** atau **03-5544 7484 / 7543**.

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

NOTA: SURAT INI ADALAH CETAKAN BERKOMPUTER DAN TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN



## LEMBAGA TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ  
SHAH 40503 SHAH ALAM, SELANGOR

Ruj. Kami: TKWBNS/BS (2)

Tarikh : 26-01-2017

Professor/ Prof. Madya / Dr. / Tuan/ Puan,

### **SURAT PELEPASAN MENGHADIRI SESI TEMUDUGA PROGRAM KHAS BIASISWA SELANGORKU BIL.1 TAHUN 2017**

Dengan ini dimaklumkan bahawa pelajar seperti di senarai edaran merupakan seorang calon Temuduga Program Khas Basiswa Selangorku pada ketetapan seperti berikut :

**Tarikh** : 08-02-2017 (Rabu)  
**Masa** : 08:00 AM  
**Tempat** : Bankuet Dewan Jubli Perak , Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK SELANGOR)

2. Sehubungan itu, Pentadbiran ini memohon kerjasama pihak Professor/ Prof. Madya / Dr. / Tuan/ Puan untuk memberi pelepasan daripada menghadiri kuliah kepada pelajar berkenan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, Urus Setia boleh dihubungi di talian **03-5521 2275** atau **03- 5544 7484/ 7543**. Kerjasama pihak Professor/ Prof. Madya/ Dr. / Tuan/ Puan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

NOTA: SURAT INI ADALAH CETAKAN BERKOMPUTER DAN TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN